| 5.43 Hasil Penilaian Kelas Sebenar Instrumen Pentaksiran Membaca Kreativiti 4                                                                   | 470 |



## SENARAI RAJAH

### Nombor Rajah

### Muka Surat

|                                                                                                                                                     |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 2.1 Kerangka Teori Pembangunan Instrumen Pentaksiran Membaca dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Kelas Tinggi Sekolah Dasar                         | 58  |
| 2.2 Perkaitan Objektif Pembelajaran, Aktiviti Pembelajaran dan Pentaksiran                                                                          | 152 |
| 3.1 Langkah-langkah Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan Menurut Borg dan Gall                                                                  | 201 |
| 3.2 Reka Bentuk Model Dick & Carey                                                                                                                  | 203 |
| 3.3 Proses Reka Bentuk Model Pentaksiran Membaca Kelas Tinggi Sekolah Dasar                                                                         | 206 |
| 3.4 Hasil Analisis Pembelajaran Bahasa Indonesia Aspek Membaca Tahap Sekolah Dasar                                                                  | 210 |
| 3.5 Triangulasi Sumber Data                                                                                                                         | 231 |
| 3.6 Triangulasi Pengumpulan Data dengan Pelbagai Teknik                                                                                             | 232 |
| 3.7 Komponen Analisis Data Model Interaktif                                                                                                         | 248 |
| 4.1 Perkaitan Fasa Pembangunan Instrumen Pentaksiran Membaca Mengikut Borg & Gall (2007) dengan Langkah-langkah Reka Bentuk Pengajaran Dick & Carey | 258 |



## SENARAI LAMPIRAN

- A. Protokol Temu Bual
- B. Panduan Pemerhatian Pembelajaran
- C. Borang Senarai Semak Kelengkapan Instrumen
- D. Borang Penilaian Keberkesanan Instrumen
- E. Senarai Hasil Penilaian Instrumen
- F. Instrumen Pentaksiran Membaca Produk Akhir



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan pembelajaran adalah bahagian daripada proses pendidikan. Ia merupakan usaha yang merangkumi pelbagai proses, tidak hanya terhad kepada interaksi belajar-mengajar di antara guru dan pelajar. Pembelajaran adalah suatu program yang memiliki ciri sistematik, terurus, dan terancang. Sistematik bermakna teratur, iaitu pembelajaran harus dijalankan mengikut urutan atau langkah-langkah tertentu,





bermula dari perancangan, pelaksanaan sehingga kepada tahap pentaksiran. Pembelajaran juga adalah suatu sistem yang merangkumi pelbagai komponen, iaitu tujuan, bahan pelajaran, kaedah pembelajaran, media pembelajaran, pelajar, sumber belajar, pentaksiran, persekitaran, dan guru. Keseluruhan komponen pembelajaran pula, saling berhubung dan bergantung antara satu dan yang lain (Ariffin, 2015).

Antara penghasilan penting proses pembelajaran adalah berkaitan dengan soalan bagaimanakah guru tahu apa yang telah pelajar mereka pelajari? Cara guru mengetahui apa yang pelajar telah pelajari adalah melalui proses pentaksiran. Proses menggunakan kaedah untuk mengumpulkan maklumat tentang apa yang telah dipelajari ini dan apa yang belum dipelajari dikenali sebagai proses penilaian pencapaian pelajar setelah mengalami pembelajaran (Garies dan Grant, 2015:2).

Manakala dalam OECD (2008) pula dinyatakan bahawa pentaksiran adalah perkara yang sangat penting bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran. Dalam konteks kelas atau bilik darjah, literasi pentaksiran adalah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyusun data berkaitan dengan pencapaian pelajar dan menggunakan proses dan hasil pentaksiran dengan berkesan bagi meningkatkan pencapaian pelajar (Chappuis et al., 2012). Kaedah utama guru mengumpulkan maklumat pentaksiran untuk keputusan kelas adalah produk pelajar, teknik pemerhatian, dan teknik soal jawab lisan (AirAsian dan Russell, 2008).

Pentaksiran dalam apa sahaja konteks pendidikan dan pada apa pun peringkat adalah bahagian integral dari proses pembelajaran (Johnson, 2012; Salvia, Ysseldyke dan Witmer, 2017; Cooper, Elton-Chalcraft, 2018). Pentaksiran dan pembelajaran memiliki hubungan yang kompleks dan saling berkaitan (Klenowsky, 2012:19). Ia





bukan hanya digunakan sebagai ukuran pembelajaran pelajar, tetapi juga dijadikan kaedah pembelajaran pelajar (Garies dan Grand, 2015). Pentaksiran melibatkan aktiviti membuat pertimbangan berkaitan dengan apa telah dipelajari dan difahami pelajar, bagaimana mereka belajar, dan di mana mereka berada di sepanjang lintasan pembelajaran peribadi mereka. Oleh itu, dalam konteks ini pula, pentaksiran yang dijalankan guru adalah wujud dalam bentuk pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), pentaksiran terhadap pembelajaran (*assessment of learning*), dan pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*) (Scarino dan Liddicoat, 2009:67; Siarova, H.; Sternadel, D.; Masidlauskalte, 2017-20-27).

Pentaksiran tuntasnya adalah proses yang melibatkan pemerolehan bukti melalui alat khusus seperti ujian dan tinjauan, dan digunakan untuk menentukan kesimpulan berasaskan segala penemuan daripada kaedah tersebut. Alat pentaksiran ini juga dapat mendefinisikan status atau nilai sesuatu peristiwa, benda atau kebolehan manusia berdasarkan pencapaian atau kepentingan (Rayment, 2011). Pentaksiran boleh difahami pula sebagai proses untuk mendapatkan maklumat tentang prestasi pelajar dan seterusnya membuat penghakiman tentang produk sesuatu proses pendidikan. Dalam konteks pendidikan, pentaksiran adalah proses untuk mendapatkan gambaran tentang prestasi pelajar dalam pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, IPG, 2016).

AirAsian dan Russell (2008) menyatakan bahawa pentaksiran adalah sebahagian daripada kehidupan kelas. Sepanjang hari persekolahan, guru sentiasa mengumpulkan dan menggunakan maklumat untuk membuat keputusan tentang pengurusan kelas, arahan, pembelajaran pelajar, dan perancangan selanjutnya. Aktiviti





pentaksiran merangkumi proses mengumpul, mensintesis, dan mentafsirkan maklumat untuk membuat keputusan. Mengikut kepada keputusan yang dibuat dan maklumat yang diperlukan, maklumat hasil ujian, pengukuran, dan penilaian adalah sangat membantu proses pentaksiran. Maknanya, ujian, pengukuran, dan penilaian adalah bahagian daripada proses pentaksiran. Pentaksiran pula boleh membantu pelajar untuk mengetahui bidang-bidang yang masih belum dicapai dengan baik dan upaya yang sepatutnya dilakukan untuk mencapai hasil yang diinginkan (Popham, 2008:12-16).

Liljedahl (2010) pula menyatakan bahawa pentaksiran boleh dilihat sebagai medium yang berkesan untuk komunikasi antara guru dan pelajar. Ia adalah satu cara untuk pelajar mengkomunikasikan pembelajaran mereka kepada guru dan bagi guru untuk mengkomunikasikan kembali ulasan kepada pelajar tentang pembelajaran mereka. Popham (2007) menyebutkan bahawa ada empat alasan tradisional guru melakukan pentaksiran pelajar, iaitu pertama, untuk mendiagnosis kekuatan dan kelemahan pelajar, kedua, memantau kemajuan pelajar, ketiga menetapkan gred kepada pelajar, dan keempat menentukan keberkesanan pengajaran. Tujuan lain pentaksiran adalah untuk menentukan akauntabiliti dan sebagai bantuan menentukan kelayakan perkhidmatan pendidikan khusus (Bell dan Mccallum, 2008). Oleh itu, guru perlu melibatkan diri dalam pelbagai bentuk pentaksiran sepanjang proses pengajaran mereka bagi memantau dan menilai pembelajaran pelajar dan membuat penyelarasan kepada perancangan pelajaran mengikut dapatan proses dan hasil pentaksiran yang mereka jalankan (Johnson, 2012).

Pentaksiran dapat memberikan maklum balas kepada guru tentang pengajaran mereka dan tentang pembelajaran pelajar mereka, pereka kurikulum berkaitan dengan





kurikulum dan pentadbir berkaitan dengan penggunaan sumber. Bagi guru dan pereka kurikulum atau kursus, pentaksiran yang dibina secara tepat boleh membantu memastikan sama ada matlamat yang dinyatakan telah dicapai atau belum (Kizlik, 2012). Proses pembelajaran yang sebenar berlaku di kelas boleh diketahui melalui pentaksiran yang baik (Donaldson, 2015:75). Pentaksiran adalah jambatan antara pengajaran dan pembelajaran (Wiliam, 2011).

Pembelajaran yang dijalankan di sekolah adalah berasaskan kepada kurikulum. Oleh itu, pentaksiran yang dilakukan guru sepatutnya pula bersesuaian dengan kurikulum. Ini menunjukkan bahawa kurikulum dan pentaksiran merupakan komponen yang integral dalam setiap persekitaran pembelajaran atau pengajaran. Kurikulum adalah kandungan dan perkembangan pembelajaran yang terlibat, diajarkan atau dipelajari. Pentaksiran membantu menentukan hasil pengajaran kandungan itu, iaitu suatu proses yang memberikan maklum balas kepada pelajar dan pengajar. Kurikulum dan pentaksiran bekerja bersama secara bertahap dan rekursif untuk memberikan arahan dan tumpuan kepada pelajar. Proses ini melibatkan pelajar yang membawa pengetahuan, kepentingan dan keperluan individu terlebih dahulu (Rochelle, 1997). Ia juga melibatkan orang lain yang lebih berpengetahuan (Vygotsky, 1978) yang boleh memberi sokongan kepada pelajar. Kurikulum menentukan kandungan apa yang diajar, pendekatan pedagogis pula membincangkan bagaimana kandungan itu diajar (Microsoft in Education, 2014).

Kurikulum, pembelajaran, dan pentaksiran adalah komponen yang saling berkaitan. Kurikulum adalah rancangan yang merangkumi tujuan, kandungan, dan bahan pelajaran serta cara yang digunakan untuk mencapai tujuan pembelajaran.





Manakala pembelajaran pula dijalankan sebagai upaya mencapai kompetensi yang dirumuskan dalam kurikulum. Pentaksiran adalah proses pengumpulan dan pemprosesan maklumat untuk mengukur hasil belajar pelajar (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016a). Pentaksiran adalah kaedah yang digunakan untuk mengukur hasil pendidikan dan pencapaian pelajar berkenaan dengan kecekapan penting. Ia boleh merangkumi kedua-dua kaedah, iaitu kaedah formal seperti pentaksiran berskala besar, dan kaedah kurang formal seperti kuiz, projek kelas, dan soalan-soalan guru. Komponen pentaksiran tidak boleh mengabaikan kepentingan kurikulum dan pengajaran sebab ia boleh membawa ketidakkonsistenan bidang pendidikan (Pellegrino, 2010).

Pentaksiran membolehkan guru mengesan kemajuan pelajar dengan tujuan memberitahu perancangan, pengajaran dan pelaporan mereka. Selain itu, pentaksiran berpotensi untuk memberi perhatian kepada guru ketika berusaha memastikan kebolehpercayaan, pertanggungjawaban, ketelusan dan konsistensi di seluruh konteks, dan untuk memberikan sumbangan positif keyakinan masyarakat terhadap sistem pendidikan (Klenowski, 2012; Klenowski & Wyatt-Smith, 2012). Matlamat akhir daripada semua maklumat pentaksiran adalah untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang paling berkesan bagi setiap pelajar (Bell dan McCallum, 2008:8).

Berkaitan dengan kurikulum pula, kurikulum adalah rancangan pendidikan dan ia adalah teras daripada proses pendidikan. Kurikulum berpengaruh langsung terhadap hasil pendidikan (Sukmadinata, 2012:158). Arifin (2011) pula menyatakan bahawa kurikulum dapat berfungsi sebagai alat mencapai tujuan pendidikan dan panduan pelaksanaan pengajaran. Bagi menyesuaikan dengan cabaran perkembangan





zaman, kurikulum sangat mungkin mengalami sama ada perubahan, penyempurnaan, atau pembaharuan sehingga selari dengan keperluan dan tuntutan semasa. Manakala perubahan dan inovasi kurikulum tidak berlaku dengan sendirinya tanpa sebab yang mempengaruhinya. Ia berlaku sejajar dengan kemajuan masyarakat dan negara dan dianggap sebagai satu proses yang dinamik dan seimbang. Perubahan yang dilakukan bergantung kepada perkembangan falsafah dan teori pendidikan, kehendak masyarakat, dan perkembangan sains dan teknologi (Sueidah A. Bakar, 2017:3).

Kurikulum sama ada mengalami perubahan atau pembaharuan merupakan konsekuensi dan implikasi daripada berlakunya perubahan sistem politik, sosial budaya, dan perkembangan sains dan teknologi (Hidayat, 2013:1). Kurikulum berubah untuk memenuhi arus pemodenan (Nhlapo dan Maharajh, 2017:1741).

Perubahan kurikulum selaras pula dengan perubahan masyarakat. Tidak ada sesuatu masyarakat yang tidak berubah (Tilaar, 2012:14). Kurikulum harus sentiasa beradaptasi dengan perkembangan masyarakat dan persekitaran. Kurikulum sekolah adalah bidang yang sentiasa berkembang sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa. Ini bagi memastikan para pelajar di sekolah dapat diberikan pengalaman sewajarnya bagi keperluan masa hadapan mereka yang semakin mencabar. Perubahan kurikulum berlaku dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara (Sueidah A. Bakar, 2017:2). Oleh itu, perubahan kurikulum dalam konteks pendidikan adalah hal yang biasa dan ia boleh berlaku bagi semua negara.

Pembelajaran pada semua peringkat sekolah di Indonesia bermula tahap pendidikan dasar sehingga tahap pendidikan menengah, semenjak tahun pelajaran 2014/2015 mengikut kepada kurikulum baru, iaitu Kurikulum 2013. Kurikulum 2013





merupakan pembaharuan dan penyempurnaan kurikulum sebelumnya, iaitu Kurikulum 2006 (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016a; Winingsih, 2016:40;). Kurikulum 2013 merupakan kurikulum yang berasaskan karakter dan kompetensi sebagai jawapan terhadap pelbagai kekurangan daripada kurikulum sebelumnya dan kekurangan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat (Mu'awwanah, 2016). Kurikulum ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti sumber manusia dan daya saing negara sejalan dengan perkembangan sains, teknologi dan seni (Setiadi, 2016:67). Manakala perubahan asas daripada Kurikulum 2006 menjadi Kurikulum 2013 pula adalah merangkumi (1) konsep kurikulum, (2) buku pelajaran, (3) pembelajaran, dan (4) pentaksiran (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014a).



seimbang antara *hardskill* dan *softskill* yang bermula daripada standard kompetensi tamatan, standard kandungan, standard proses, dan standard penilaian. Kriteria buku pelajaran pula, buku pelajaran ditulis mengacu kepada konsep kurikulum (kompetensi teras, kompetensi dasar, dan sukatan pelajaran). Buku yang disediakan merangkumi buku teks pelajar (buku teks berasaskan aktiviti) dan buku guru. Setiap buku mengandungi pembelajaran dan *project* yang akan dilakukan oleh pelajar. Manakala buku guru mengandungi panduan bagi guru menjalankan pembelajaran. Proses pembelajaran yang dikehendaki mengikut kurikulum ini adalah proses pembelajaran yang memberi sokongan kepada kreativiti yang diperolehi melalui aktiviti: memerhati, menyawal, bereksperimen, menaakul, mencipta, dan mengkomunikasikan. Daripada segi pentaksiran pula, pentaksiran dijalankan untuk memberi sokongan kepada penguatan proses, iaitu mengukur keupayaan berfikir peringkat rendah



sehingga peringkat tinggi, mengutamakan soalan yang memerlukan pemikiran mendalam, mengukur proses kerja pelajar, bukan hanya hasil kerja, dan menggunakan portfolio pembelajaran pelajar (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014b).

Pada tahap Sekolah Dasar, skop pentaksiran hasil belajar merangkumi pentaksiran oleh pendidik (guru), pentaksiran oleh satuan pendidikan (sekolah), dan pentaksiran oleh pemerintah. Pentaksiran oleh pendidik (guru) merangkumi aspek sikap, pengetahuan, dan kemahiran yang dijalankan dalam bentuk ujian, pemerhatian, pemberian tugas, dan/atau bentuk lain yang diperlukan. Manakala pentaksiran oleh satuan pendidikan (sekolah) pula merangkumi aspek pengetahuan dan aspek kemahiran, dijalankan dalam bentuk peperiksaan sekolah. Pentaksiran hasil belajar oleh pemerintah pula dijalankan dalam bentuk peperiksaan nasional dan/bentuk lain yang diperlukan (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016c.d: 4-7).

Pentaksiran dijalankan dalam bentuk pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) untuk fungsi formatif, pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*) untuk fungsi atau proses mengembangkan dan menyokong metakognisi pelajar. dan pentaksiran akhir pembelajaran (*assessment of learning*) untuk fungsi sumatif, iaitu digunakan untuk mengesahkan apa yang pelajar tahu dan boleh lakukan, untuk menunjukkan sama ada mereka telah mencapai hasil kurikulum, dan, kadang-kadang, untuk menunjukkan bagaimana mereka ditempatkan dalam hubungannya dengan orang lain (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik

Indonesia, 2016d; Manitoba Education, Citizenship and Youth, 2006; Siarova; Sternadel; Mašidlauskaitė, 2017).

Pentaksiran pembelajaran pada tahap Sekolah Dasar merangkumi aspek sikap, pengetahuan, dan kemahiran. Pentaksiran hasil belajar dilakukan bagi memastikan proses, kemajuan pelajar, dan memperbaiki hasil belajar secara berterusan. Tujuan pentaksiran pula adalah untuk (1) mengetahui tahap penguasaan kompetensi sikap, pengetahuan, dan kemahiran, (2) menetapkan tahap penguasaan kompetensi belajar mengikut masa tertentu, (3) mewujudkan program penambahbaikan dan pengayaan, dan (4) memperbaiki proses pembelajaran menetapkan program perbaikan dan pengayaan. Pentaksiran menggunakan rujukan kriteria, iaitu berdasarkan standard atau taraf prestasi yang ditetapkan untuk dicapai oleh pelajar sebagai pengukur diri sendiri tanpa pengaruh bandingan dengan prestasi pelajar lain atau kumpulan lain (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014b: 2-4).

Johnson (2012) menyatakan bahawa pentaksiran yang dijalankan pada tahap Sekolah Dasar adalah untuk keperluan: (1) memaklumkan kepada pelajar tentang pembelajaran mereka, (2) maklumat bagi guru untuk penilaian sendiri, (3) mendiagnosis sebarang masalah yang mungkin dihadapi pelajar, (4) memberi maklumat kepada guru lain tentang pencapaian pelajar, terutamanya berkaitan dengan pemindahan kelas dan sekolah, (5) memberi maklumat kepada ibu bapa tentang kemajuan belajar yang dicapai pelajar, (6) memberi maklumat kepada guru besar tentang pencapaian pelajar untuk arkip penilaian diri sekolah dan maklumat untuk pengawas sekolah, dan (7) untuk memenuhi keperluan penilaian mengikut undang-undang/kanun. Pentaksiran yang dijalankan secara baik memberikan pengaruh kepada



proses pembelajaran (Popham, 2009) dan sepatutnya pula guru atau penilai boleh memastikan bahawa maklumat yang disampaikan kepada pelajar sebagai hasil daripada pentaksiran benar-benar berguna bagi pelajar dan sesuai dengan konteks pembelajaran (Stiggins, 2017).

Berkaitan dengan pembelajaran bahasa Indonesia, sama ada mengikut Kurikulum 2006 atau Kurikulum 2013, skop mata pelajaran Bahasa Indonesia merangkumi komponen kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Dalam Kurikulum 2006, keempat-empat kemahiran berbahasa tersebut di dalam kurikulum dan sukatan pelajaran wujud sebagai standard kompetensi, iaitu standard kompetensi mendengar, bercakap, membaca, dan menulis. Standard kompetensi berkenaan seterusnya diperinci dalam bentuk kompetensi dasar. Manakala dalam Kurikulum 2013, keempat-keempat aspek kemahiran berbahasa berkenaan tidak dinyatakan secara eksplisit, tetapi ia menjadi satu kesatuan dalam kompetensi teras dan kompetensi dasar. Tinjauan daripada aspek pembelajaran pula, dalam Kurikulum 2006 pembelajaran di kelas I-III dijalankan melalui pendekatan bersepadu dan di kelas IV-VI dilakukan melalui pendekatan mata pelajaran (Departemen Pendidikan Nasional, 2006). Mengikut Kurikulum 2013 pula, pembelajaran pada tahap Sekolah Dasar dijalankan menggunakan pendekatan tematik bersepadu dan saintifik bermula daripada kelas I sehingga kelas VI (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2013b, d; Hakim, 2014:46; Daryanto, 2014:51).

Pembelajaran kemahiran membaca tahap Sekolah Dasar merangkumi pembelajaran membaca permulaan dan membaca lanjut. Pembelajaran membaca permulaan dijalankan di kelas rendah dan pembelajaran membaca lanjut dijalankan di





kelas tinggi (Yarmi, 2008). Pembelajaran membaca permulaan merupakan tingkatan proses membaca untuk menguasai sistem tulisan sebagai perwakilan visual bahasa dan bersifat mekanikal, mengutamakan kecekapan pelajar mengubah rangkaian bunyi bermakna (Adler dan Doren, 2014). Tingkatan ini dikenali pula sebagai tingkatan belajar membaca (Halimah, 2014). Membaca lanjut pula merupakan tingkatan proses membaca untuk memahami kandungan pesan dalam tulisan (Kuntarto, 2013:8) dan oleh Morris (2014:10) disebut tahap membaca untuk belajar dan membaca analitik. Keutamaan membaca lanjut adalah pada pemahaman kandungan bacaan (Adler dan Doren, 2014).

Pembelajaran membaca untuk kelas rendah dikenali pula sebagai pembelajaran membaca yang bersifat mekanikal (Tarigan, 2012). Yarmi (2008) menyatakan bahawa pembelajaran membaca untuk kelas rendah, utamanya dijalankan dalam bentuk membaca teknikal, iaitu membaca bersuara atau membaca nyaring. Fokus utama membaca adalah penyahkodan (*decoding*) berlaku pada pelajar kelas I dan kelancaran (*fluency*) berlaku pada pelajar kelas II dan III (Morris, 2014:10; Torgesen, 2006). Hal ini sejalan pula dengan hasil kajian Gorsuch dan Taguchi (2010), Chard et.al (2009), yang menyatakan bahawa aktiviti membaca boleh dibahagi kepada dua tahap, iaitu tahap rendah dan tahap tinggi. Tahap rendah dikenali sebagai tahap pengenalan teks dan tahap tinggi dikenali sebagai tahap pemahaman teks. Manakala Tarigan (2012:11) menyatakan bahawa aktiviti membaca melibatkan dua proses yang automatik dilakukan pembaca, iaitu proses mekanikal dan proses pemahaman.

Seterusnya berkaitan dengan pentaksiran membaca, dalam Kurikulum 2013 ditetapkan bahawa pentaksiran aspek pengetahuan secara umum dalam bentuk ujian





tulis adalah ujian aneka pilihan (*multiple-choice item*), mengisi tempat kosong (*fill-in-the-blank item*), betul-salah (*true-false item*), padanan (*matching item*), dan esei (*essay item*). Manakala bentuk ujian lisan pula adalah soal jawab, arahan atau perintah, dan kuiz. Pentaksiran aspek kemahiran dilakukan dalam bentuk pentaksiran prestasi, projek, dan tugas (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016b:12; Johnson, 2012:21-34). Daripada kajian Wu et al. (2014) diperolehi maklumat bahawa bentuk ujian pentaksiran membaca Sekolah Dasar adalah merangkumi: (1) pengenalan perkataan dan melengkapkan ayat, (2) pemahaman teks, (3) bacaan lisan (4) membaca dan menceritakan semula, (5) penilaian sendiri, dan (6) portfolio. Bagi pemahaman teks pula, bentuk ujian yang digunakan adalah ujian aneka pilihan, padanan, ujian klotz, jawapan pendek, dan meringkaskan maklumat. Manakala bagi ujian bacaan pula, pentaksiran dijalankan dalam bentuk kelancaran membaca



Secara lebih khusus, dalam *Special Education Resources Center/SERC Equity Excellence Education*, (2012) dinyatakan bahawa pentaksiran membaca untuk Sekolah Dasar dijalankan mengikut tahap kelas (*grade*), iaitu kelas 1 merangkumi pengenalan fonologis, pengenalan huruf, pengenalan perkataan, dan kelancaran membaca. Untuk kelas 2 dan 3, pentaksiran membaca merangkumi: kelancaran membaca dan mengenalpasti perkataan. Untuk kelas 4, 5, dan 6 pula pentaksiran membaca merangkumi kelancaran membaca dan membaca pemahaman. Mengikut tahap membaca Chall's (1983) yang diubahsuai (Moats, 2012:1) menyatakan bahawa tahap membaca pelajar Sekolah Dasar merangkumi tahap 1: mengenali bacaan/membaca permulaan (mengenali huruf yang mewakili suara dan hubungan ejaan dengan bunyi), tahap 2: pengesahan dan kelancaran (kemahiran menyahkod dan kelancaran), dan tahap





3: membaca untuk belajar –yang baru” (meluaskan perbendaharaan kata, membina latar belakang dan pengetahuan dunia, dan membangunkan kebiasaan membaca yang strategik). Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan pentaksiran membaca adalah disesuaikan mengikut tahap membaca pelajar dan tahap kelas.

Berasaskan kepada Peraturan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Nombor 104 Tahun 2014 (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014b:6-7), boleh difahami bahawa taksonomi bagi rujukan pentaksiran adalah taksonomi Bloom yang dikemaskini, Krathwohl, Dyers, dan Simpson. Walau bagaimanapun, bagi pentaksiran membaca, taksonomi yang lain pula, misalnya taksonomi Barrett (lihat Mohammad Javed, Lin Siew Eng, dan Abdul Rashid Mohamed, 2015) boleh pula digunakan mengikut kepada tujuan pentaksiran, wujud tugas, dan hasil yang dijangkakan diperolehi daripada pentaksiran yang dilakukan.

Taksonomi mana yang diikuti untuk panduan pentaksiran adalah sesuai dengan kemahiran membaca yang akan ditaksir. Walau bagaimanapun, pentaksiran yang dijalankan, rancangan instrumen pentaksiran yang disediakan dan rubrik pentaksiran yang digunakan adalah mengikut kepada objektif pembelajaran. Oleh itu, bagi menjalankan pentaksiran sesuai dengan tujuan pembelajaran diperlukan instrumen pentaksiran yang memenuhi standard kesahan, kebolehpercayaan, dan keadilan (Caffrey, 2009:17; Garies & Grant, 2015:23-27; Darling-Hammond, L., Herman, J., Pellegrino, J., et al., 2013).

Kajian ini bertujuan membangunkan instrumen pentaksiran kemahiran membaca pelajar kelas tinggi Sekolah Dasar di Aceh. Hasil daripada kajian ini adalah produk instrumen pentaksiran kemahiran membaca yang memenuhi syarat kesahan,





kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan. Ia boleh digunakan oleh guru bagi pelaksanaan pentaksiran membaca kelas tinggi Sekolah Dasar. Instrumen tersebut boleh pula menjadi rujukan bagi pentaksiran membaca kelas rendah dengan melakukan pengubahsuaian mengikut tujuan dan aspek pentaksiran membaca kelas rendah.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Guru melakukan pentaksiran membaca untuk mengetahui kemahiran membaca pelajar sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Pentaksiran membaca boleh wujud dalam pelbagai bentuk yang dijalankan untuk memperolehi maklumat yang berguna bagi membantu pelajar menjadi pembaca yang lebih baik (Afflerbach, 2016). Pelbagai kemahiran membaca yang diajar di kelas sepatutnya pula dilengkapi dengan pelbagai instrumen pentaksiran disertai rubrik pemberian markah. Pentaksiran membaca yang dijalankan secara baik akan dapat memberikan maklumat secara tepat berkenaan dengan keupayaan dan tahap membaca pelajar (IDA, 2009). Semakin baik kualiti instrumen, semakin besar pula keyakinan terhadap perolehan markah dan pengambilan keputusan. Oleh itu, sangat mustahak untuk menggunakan instrumen berkualiti tinggi bagi menjalankan pentaksiran (Pusat Penilaian dan Penyelidikan, James Madison University, 2014). Dua elemen utama yang menyumbang kepada kualiti instrumen adalah kesahan dan kebolehpercayaan (Covacevich, 2014).

Hasil kajian terhadap pelaksanaan Kurikulum 2013 pada tahap Sekolah Dasar mendapati bahawa antara kesukaran guru menjalankan pembelajaran mengikut Kurikulum 2013 adalah berkait dengan pentaksiran, iaitu kesukaran merancang, melaksanakan, memproses, menggunakan, dan melaporkan hasil pentaksiran.



Kesukaran pada perancangan adalah berkaitan dengan membina indikator instrumen, menentukan teknik pentaksiran yang tepat sesuai dengan kompetensi dasar, membangunkan soalan dan rubrik pentaksiran. Daripada sudut pelaksanaan pula, kesukaran yang dialami guru adalah menjalankan pentaksiran aspek sikap yang melibatkan pelbagai teknik pentaksiran. Kesukaran lainnya adalah berkaitan dengan pengolahan pencapaian hasil pentaksiran sikap, pengetahuan, dan kemahiran (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016c, 2016d).

Kajian yang dijalankan oleh Setiadi (2016) berkenaan dengan pelaksanaan penilaian mengikut Kurikulum 2013, melibatkan sampel 330 orang guru, 126 guru besar, dan 126 pelajar tahap pendidikan dasar dan menengah pada 15 provinsi di Wilayah Indonesia Bahagian Barat, Bahagian Tengah, dan Bahagian Timur. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik dan FGD (*Focus Group Discussion*). Hasil kajian mendapati bahawa masalah yang dihadapi guru adalah berkenaan dengan perancangan pentaksiran merangkumi: pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian atau JSU (*Test Specification Table*), pembinaan rubrik pentaksiran, dan penilaian ítem ujian. Manakala dari sudut pelaksanaan pentaksiran pula, masalah yang dihadapi guru utamanya berkaitan dengan pentaksiran aspek sikap.

Dapatan kajian Setiadi (2016:174) tersebut pula mengungkap fakta bahawa banyak guru pada tahap perancangan tidak membina Jadual Spesifikasi Ujian (JSU). Ítem ujian dibina tidak berasaskan kepada JSU. Oleh itu, dapat dijangkakan bahawa ítem ujian yang dibina tidak seimbang antara kompetensi dasar yang satu dan kompetensi dasar yang lain dan validiti ítem kurang terpenuhi adalah sangat mungkin berlaku. Fakta lain daripada dapatan kajian Setiadi tersebut adalah bagi ujian esei,



panduan pemarkahan atau rubrik pemarkahan tidak disediakan. Banyak guru yang belum faham cara membina rubrik pentaksiran untuk ujian bentuk esei. Bahkan, daripada hasil *Focus Group Discussion* diperolehi maklumat bahawa ada guru yang belum faham dengan istilah rubrik (Setiadi, 2016:170).

Daripada dapatan kajian Nurkhan (2016) pula didapati bahawa antara masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan pembelajaran menggunakan Kurikulum 2013 adalah berkaitan dengan penerapan pembelajaran saintifik dan proses pentaksiran. Kajian tersebut melibatkan sepuluh orang guru Sekolah Dasar yang mengajar di kelas tinggi dan kelas rendah. Manakala daripada kajian Subagia dan Wiratma (2016) di Provinsi Bali yang melibatkan 15 orang guru, iaitu 5 orang guru Sekolah Dasar, 5 orang guru Sekolah Menengah Pertama, dan 5 orang guru Sekolah Menengah Atas juga didapati perkara yang sama, iaitu antara kesukaran guru menjalankan pentaksiran hasil belajar mengikut Kurikulum 2013 adalah berkaitan dengan jumlah aspek pentaksiran, pembinaan instrumen pentaksiran, pelaksanaan pentaksiran, dan penyampaian laporan hasil pentaksiran. Walau bagaimanapun, pengkaji tersebut tidak menjelaskan secara terperinci perkara kesukaran guru berkenaan dengan pentaksiran mengikut tahap sekolah sampel.

Kajian terdahulu terhadap implementasi Kurikulum 2013 oleh Subagiyo dan Safrudiannur (2013/2014) yang melibatkan 120 orang sampel (guru besar, guru, dan pelajar) tahap Sekolah Dasar hingga Sekolah Menengah Atas dan Sekolah Kejuruan di Kalimantan Timur juga mendapati bahawa sebahagian guru Sekolah Dasar belum mampu membina instrumen pentaksiran untuk digunakan menerusi pembelajaran harian. Manakala pentaksiran yang dijalankan di kelas pula belum maksimum.





Kajian oleh Rasidi dan Setiawati (2015) pula adalah berkait dengan kefahaman guru terhadap pentaksiran. Kajian dijalankan di Kota Mataram, Nusa Tenggara Barat melibatkan 85 orang guru Sekolah Dasar daripada 15 Sekolah Dasar di Kota Mataram. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga penyebab kesukaran guru menjalankan pentaksiran, iaitu: (1) pembangunan atau pembinaan peranti pentaksiran yang memenuhi standard, (2) menghuraikan hasil belajar secara kualitatif dan kuantitatif, dan (3) pemilihan instrumen sikap, kemahiran, dan pengetahuan. Manakala daripada kajian Krissandi dan Rusmawan (2015) yang melibatkan 65 orang guru Sekolah Dasar Yayasan Kanisius cawangan Jawa Tengah dan Yogyakarta mendapati bahawa antara hambatan yang dialami guru adalah panduan pentaksiran tidak jelas dan aspek yang harus dinilai oleh guru cenderung lebih banyak berbanding aspek pentaksiran mengikut Kurikulum 2006.



Berasaskan kepada dapatan kajian implementasi Kurikulum 2013 oleh beberapa pengkaji seperti dibentangkan di atas, antara hambatan utama yang dialami oleh guru adalah berkaitan dengan pentaksiran. Masalah pentaksiran yang dialami oleh guru sama ada guru Sekolah Dasar, guru Sekolah Menengah Pertama, atau guru Sekolah Menengah Atas disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, pentaksiran mengikut Kurikulum 2013 merupakan hal yang baru bagi guru dan panduan pentaksiran yang disediakan dalam Buku Panduan Pelajaran untuk Guru juga kurang detail (Krissandi dan Rusmawan, 2015:462). Kedua, aspek pentaksiran cenderung lebih banyak, iaitu merangkumi pentaksiran aspek sikap keagamaan, aspek sikap sosial, aspek pengetahuan, dan aspek kemahiran. Ketiga, guru belum terbiasa membina instrumen pentaksiran dan aktiviti membina instrumen adalah perkara sukar bagi guru (Subagiyo





dan Safrudiannur, 2013/2014; Subagia dan Wiratma, 2016:48). Keempat, pada tahap proses perancangan pentaksiran, guru tidak menjalankan perancangan pentaksiran mengikut kaedah yang sepatutnya dilakukan, misalnya pembinaan JSU dan rubrik pentaksiran (banyak guru belum faham cara membina rubrik pentaksiran untuk ujian esei) (Setiadi, 2016:173-175).

Secara umum pula berasaskan data dapatan kajian pada 15 sekolah jenjang Sekolah Dasar dan Sekolah Menengah di Wilayah Indonesia Bahagian Barat, Bahagian Tengah, dan Bahagian Timur, disimpulkan oleh Setiadi (2016:75) bahawa kefahaman guru terhadap kaedah pentaksiran berada pada taraf minimum. Pentaksiran yang dijalankan guru di sekolah belum seluruhnya berkesan. Pentaksiran pembelajaran mengikut Kurikulum 2013 pada masa-masa awal tersebut dirasakan lebih sukar dan lebih pelik oleh guru (Subagiyo dan Safrudiannur, 2013/2014).

Seterusnya, berikut ini dibentangkan dapatan kajian pentaksiran secara lebih khusus, iaitu berkenaan dengan pentaksiran dalam pembelajaran bahasa Indonesia aspek membaca, tahap keupayaan membaca pelajar dan pelbagai upaya yang telah dijalankan bagi meningkatkan keupayaan membaca pelajar tahap Sekolah Dasar. Daripada hasil kajian Rahim (2008: V) didapati bahawa kemahiran membaca pemahaman di Sekolah Dasar cenderung diabaikan. Secara amnya, guru beranggapan bahawa pengajaran membaca telah berjaya bila pelajar sudah boleh membaca dan menulis untuk kelas rendah dan sudah boleh membaca bersuara dan mencari perkataan sukar dalam teks bacaan untuk kelas tinggi. Pernyataan Rahim tersebut membuktikan bahawa dalam melakukan pentaksiran membaca guru tidak mengikut sesuatu panduan



pentaksiran sehingga aras kemahiran membaca pelajar tidak diketahui secara pasti.

Kajian yang dijalankan oleh Basuki (2011) bagi memperolehi maklumat keupayaan membaca pemahaman pelajar kelas IV Sekolah Dasar dijalankan pada dua belas Sekolah Dasar di Pulau Sumatera dan Pulau Jawa. Basuki (2011) membuat bandingan sama ada terdapat perkaitan atau tidak antara keupayaan membaca pemahaman pelajar kelas IV Sekolah Dasar berdasarkan hasil ujian internasional PIRLS 2006 (*Progress in International Reading Literacy Study*) dan hasil ujian tempatan (ujian tempatan dibina oleh pengkaji). Daripada kajian tersebut pula didapati bahawa keupayaan membaca pelajar kelas IV Sekolah Dasar secara umum berada pada tahap sangat rendah. Manakala keupayaan membaca pemahaman berdasarkan hasil ujian PIRLS tahun 2006 pula adalah lebih rendah berbanding hasil ujian tempatan.

Terdapat perkaitan atau korelasi yang signifikan keupayaan membaca pemahaman pelajar kelas IV Sekolah Dasar mengikut hasil ujian internasional (ujian PIRLS tahun 2006) dan hasil ujian tempatan. Dapatan kajian Basuki (2011) tersebut pula memberi sokongan kepada data terdahulu, iaitu keupayaan membaca pemahaman pelajar kelas IV Sekolah Dasar Indonesia hasil ujian PIRLS tahun 2006 adalah kategori rendah (lihat IEA, 2007).

Kajian yang sama pula dilakukan oleh Gumono (2014) di Provinsi Bengkulu melibatkan pelajar kelas IV pada sepuluh Sekolah Dasar di Provinsi Bengkulu. Gumono menggunakan ujian PIRLS tahun 2011 untuk ujian standard internasional dan ujian standard tempatan dibina sendiri oleh pengkaji berkenaan. Keupayaan membaca pemahaman pelajar yang dikaji adalah sama seperti kajian Basuki (2011), iaitu merangkumi: (1) pemahaman bacaan maklumat, (2) pemahaman bacaan sastera,



dan (3) pemahaman keseluruhan bacaan (bacaan maklumat dan sastera). Kesimpulan daripada dapatan kajian adalah kategori keupayaan membaca pemahaman pelajar pada sepuluh Sekolah Dasar sampel di Provinsi Bengkulu sangat rendah. Hasil ujian standard PIRLS adalah jauh lebih rendah berbanding hasil ujian tempatan. Dapatan kajian ini pula memberi sokongan kepada dapatan kajian terdahulu yang dijalankan oleh Basuki (2011). Terdapat masalah pada pemahaman bacaan pelajar Sekolah Dasar di Indonesia, iaitu kategori lemah (Umam, 2014).

Kajian Suryaman (2015) pula memberi sokongan kepada dapatan kajian Basuki (2011) dan Gumono (2014). Suryaman (2015) mengkaji hasil belajar pelajar kelas IV Sekolah Dasar dalam literasi membaca melalui studi internasional (PIRLS) 2011. Tujuan kajian adalah untuk menghuraikan keupayaan membaca pelajar Indonesia di dunia internasional, keupayaan pelajar menyelesaikan soalan sastera dan nonsastera, dan faktor yang mempengaruhi keupayaan menyelesaikan soalan. Dapatan kajian berkaitan dengan keupayaan membaca pelajar Indonesia mengikut standard internasional dan menyelesaikan soalan sastera dan nonsastera merujuk kepada ujian PIRLS 2011, secara umum termasuk kategori rendah, iaitu berada di bawah purata internasional. Indonesia menduduki peringkat ke-42 dari 45 negara peserta dengan markah 428 daripada purata markah 500 (IEA, 2012). Antara faktor penyebab perkara tersebut adalah (1) kecenderungan pelajar Indonesia menjawab soalan berdasarkan tekaan, (2) pembelajaran membaca di kelas belum mengutamakan pembinaan kompetensi membaca, dan (3) kebiasaan membaca belum dibina secara baik (Suryaman, 2015).





Sebelumnya, kajian Harjono (2012) pada lapan Sekolah Dasar di Kota Salatiga, Jawa Tengah melibatkan 346 pelajar kelas V dan 8 orang guru kelas V, mendapati bahawa antara kelemahan rancangan pembelajaran yang dibuat guru adalah pembinaan instrumen pentaksiran. Manakala berkait dengan pelaksanaan pembelajaran pula didapati bahawa pembelajaran membaca laju dan pentaksiran yang dijalankan tidak memberi perhatian kepada aspek kefahaman bacaan. Standard bagi kelajuan membaca merangkumi pula kefahaman bacaan. Kelajuan membaca selalunya berkaitan dengan kefahaman bacaan (Sutz dan Weverka, 2008; Rayner et al., 2016; Ways, 2017). Harjono (2012:25) menyimpulkan bahawa guru yang menjadi sampel kajian belum menguasai konsep pentaksiran membaca dan membaca pemahaman secara tepat.



Sebagai bandingan pula dapat dilihat kajian membaca laju yang dijalankan

oleh Inawati dan Sanjaya (2018). Kajian tersebut melibatkan 252 pelajar pada lapan Sekolah Dasar di Ogan Komering Ulu, Palembang. Secara asas, kajian oleh Inawati dan Sanjaya tersebut merangkumi kelajuan membaca dan kefahaman bacaan. Daripada hasil kajian didapati bahawa keupayaan pelajar membaca laju berada pada kategori laju, sedang dan rendah. Manakala jumlah pelajar dengan keupayaan membaca sedang dan rendah adalah lebih banyak berbanding jumlah pelajar dengan keupayaan membaca kategori laju.

Kamiluddin dan Suryaman (2017) melakukan kajian pada dua Sekolah Dasar di Yogyakarta berkaitan dengan masalah yang dihadapi guru dalam pelaksanaan pentaksiran pembelajaran mengikut Kurikulum 2013. Antara dapatan kajian yang dikemukakan adalah (1) pentaksiran yang dilakukan guru belum memenuhi standard





Kurikulum 2013, (2) guru jarang menilai aspek kemahiran dalam pembelajaran bahasa Indonesia, sama ada aspek mendengarkan, berbicara, membaca, atau menulis, (3) instrumen pentaksiran adalah sesuatu yang kompleks, tidak mudah, dan proses pembinaan pun memerlukan banyak masa, dan (4) kefahaman guru terhadap pentaksiran otentik secara teknikal juga masih kurang.

Manakala daripada hasil kajian Setiawan (2018) pula didapati: (1) instrumen pentaksiran aspek kemahiran berbahasa yang dibina guru tidak disertai rubrik yang lengkap, (2) pentaksiran kemahiran berbahasa sering dilakukan dalam bentuk soal-jawap atau ujian lisan bagi menjimatkan masa, dan (3) pentaksiran mengikut Kurikulum 2013 merangkumi banyak aspek dan guru belum memahami secara baik seluruh aspek pentaksiran tersebut serta cara melaksanakannya. Kesimpulan yang dikemukakan oleh Setiawan (2018:101) berkaitan dengan pentaksiran adalah guru kurang menguasai secara baik kaedah pentaksiran. Walau bagaimanapun, kajian oleh Setiawan (2018) tersebut dijalankan pada satu Sekolah Dasar sahaja di Kabupaten Malang, Jawa Timur dan melibatkan guru kelas III Sekolah Dasar berkenaan.

Maklumat berkaitan dengan pentaksiran, pembelajaran membaca, dan keupayaan membaca pelajar juga diperolehi daripada hasil kajian tindakan. Antara kajian tindakan yang dijalankan pada tahap Sekolah Dasar adalah kajian oleh Jamila (2014); Situmeang (2014); Nuraini (2015); Aliansyah, Kaswari, dan Rosinta (2015); Sumriana (2015); Safitri (2015); Hardani (2016); Nurhayati, Sugiyono, dan Uliyanti (2016); Ismanuria (2017); Fitriani (2018) berkenaan dengan upaya peningkatan keupayaan pelajar kelas rendah membaca nyaring. Manakala kajian Ismanuria (2017) pula dijalankan di kelas tinggi.



Asas tumpuan kajian oleh seluruh pengkaji adalah keupayaan pelajar membaca nyaring pada sekolah sampel berada pada kategori rendah atau sedang. Data dikumpulkan menggunakan teknik pemerhatian, temu bual, dokumentasi, dan ujian. Pengolahan data mengikut kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian yang dijalankan merangkumi tiga kitaran. Maklumat yang dikehendaki diperolehi adalah (1) ketepatan dan kejelasan lafaz, intonasi, dan jeda, ketika pelajar membaca dan peningkatan keupayaan membaca yang berlaku mengikut kitaran, (2) sikap pelajar semasa pembelajaran, dan (3) keupayaan guru merancang dan melaksanakan pembelajaran.

Maklumat berkenaan dengan dapatan kajian pula oleh semua pengkaji cenderung sama, iaitu peningkatan keupayaan pelajar membaca nyaring berlaku secara signifikan mengikut kitaran dan keupayaan guru merancang dan melaksanakan pembelajaran membaca nyaring juga mengalami peningkatan. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan pengumpulan data menerusi teknik ujian pada kesepuluh-sepuluh kajian tindakan berkenaan, penjelasan perolehan markah membaca nyaring pelajar tidak disertai instrumen yang digunakan. Manakala prosedur ujian membaca nyaring pula mengikut kitaran juga tidak didapati dalam artikel hasil kajian.

Perkara yang sama pula didapati pada kajian tindakan oleh Megasari, Syamsiati, dan Sabri (2015); Muriani, Zulela MS, dan Suseno (2018) yang mengkaji tentang membaca lancar. Dalam kedua-dua kajian tidak didapati instrumen pentaksiran bagi sokongan data pencapaian markah pelajar dan kategori keupayaan membaca lancar yang dicapai oleh pelajar. (lihat Megasari, Syamsiati, dan Sabri, 2015:13; Muriani, Zulela MS, Suseno, 2018:11,18). Manakala kajian tindakan

peningkatan keupayaan pelajar membaca lancar yang lengkap dengan instrumen dan kategori kelancaran membaca pelajar dijumpai pada kajian oleh Hartati (2017).

Kajian tindakan di kelas IV Sekolah Dasar oleh Zaenuddin, Djuanda, dan Syahid (2017) dijalankan berdasarkan hasil kajian awal kesukaran pelajar menentukan idea utama perenggan dalam teks bacaan. Model pembelajaran quantum berbantuan komputer adalah cara yang diterapkan bagi mengatasi masalah tersebut mengikut masa tiga kitaran. Pengumpulan data menggunakan teknik pemerhatian, temu bual, nota lapangan, dan ujian. Maklumat dapatan kajian hasil ujian berkaitan dengan peningkatan kemahiran membaca pelajar setelah diterapkan model pembelajaran quantum berbantuan komputer, tidak didapati data dan penjelasan (lihat Zaenuddin, Djuanda, dan Syahid, 2017:1523, 1525, dan 1528).

Kesimpulan yang dapat dikemukakan menerusi hasil kajian tindakan oleh para pengkaji seperti dibentangkan di atas adalah seperti berikut. Pertama, keupayaan membaca pelajar Sekolah Dasar, sama ada membaca nyaring, membaca lancar, atau membaca pemahaman belum mencapai kategori baik. Kedua, peningkatan keupayaan membaca pelajar dan keupayaan guru merancang dan melaksanakan pembelajaran membaca mengalami peningkatan yang signifikan mengikut kitaran. Ketiga, bagi data yang diperolehi melalui teknik ujian, penjelasan berkait dengan instrumen pentaksiran dan prosedur pengumpulan data adalah sangat minimum. Soalan penting yang patut diambil kira adalah apakah kesimpulan yang ketiga tersebut memiliki perkaitan dengan kefahaman guru terhadap pentaksiran, tentu diperlukan pengkajian secara lebih mendalam.



Abidin (2012:164-165) menyatakan bahawa antara perkara dalam sistem pendidikan di Indonesia adalah berkenaan dengan proses dan hasil pendidikan yang rendah. Sistem pendidikan kurang tertuju kepada kualiti. Secara purata, guru memiliki prestasi di bawah standard, iaitu berkaitan dengan keupayaan penguasaan bahan pelajaran, metode pembelajaran, kaedah pentaksiran, dan pengurusan kelas. Kenyataan yang demikian akan memberi pengaruh kepada proses dan hasil pembelajaran. Pada pembelajaran bahasa Indonesia, aspek membaca, umpamanya, upaya menambahbaiki proses pembelajaran dan menambah pengetahuan tentang pentaksiran adalah penting bagi peningkatan keupayaan membaca pelajar.

Daripada kajian oleh Pratiwiningtyas, Susilaningsih, dan Sudana (2017:3) didapati bahawa guru masih sukar menentukan markah kepada jawapan belajar pada ujian esei. Manakala panduan pentaksiran yang disediakan dalam buku guru kurang terperinci dan kurang praktikal. Pencapaian pada ujian PIRLS 2011 (IEA, 2012) hanya 0.1% pelajar Indonesia berhasil menyelesaikan soalan literasi membaca pada tahap sempurna, 4% boleh menjawab soalan tahap tinggi, 28% tahap sedang, dan 66% tahap rendah dijangka mempunyai perkaitan dengan perkara strategi pembelajaran membaca dan pentaksiran yang dijalankan guru di sekolah.

Pada tahun 2016, Pusat Penilaian Pendidikan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia telah melakukan kajian secara nasional berkaitan dengan tahap keupayaan pelajar Sekolah Dasar. Kajian yang melibatkan 1.941 Sekolah Dasar dan 48.682 pelajar tersebut adalah bahagian daripada *Indonesian National Assessment Program* (INAP) atau Asesmen Kompetensi Siswa Indonesia (AKSI) menguji kemahiran membaca, matematik, dan sains pelajar kelas V Sekolah





Dasar. Dapatan kajian berkaitan dengan membaca adalah 46,83% keupayaan membaca pelajar adalah kategori kurang atau rendah, 47,11% kategori cukup, dan 6,06% sahaja kategori baik (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2018b). Kajian ini pula memberi sokongan terhadap kajian terdahulu yang dijalankan oleh Basuki (2011) dan Gumono (2014). Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian merangkumi wilayah yang lebih kecil, iaitu skop provinsi sahaja, bukan seluruh provinsi yang ada di Indonesia.

Berasaskan kepada maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian oleh beberapa pengkaji seperti yang sudah dihuraikan terdahulu sama ada yang berkenaan dengan pembelajaran dan pentaksiran membaca (maklumat kajian tindakan) serta tahap keupayaan membaca pelajar, iaitu hasil ujian PIRLS 2006, PIRLS 2011, hasil ujian nasional tahun 2016 oleh *Indonesian National Assessment Program* (INAP) dan hasil ujian pada sekolah-sekolah yang terhad (ujian tempatan), upaya memperbaiki dan meningkatkan kualiti pembelajaran membaca tahap Sekolah Dasar adalah penting untuk dilakukan. Pembangunan bahan ajar yang bersesuaian dengan kurikulum, pembangunan strategi pembelajaran membaca dan pembangunan instrumen pentaksiran membaca yang boleh merangkumi pelbagai jenis dan tahap membaca Sekolah Dasar, adalah antara upaya yang perlu dilakukan bagi menambahbaiki kualiti pembelajaran dan hasil pembelajaran membaca.

Secara khusus pula berkenaan dengan pentaksiran pembelajaran tahap Sekolah Dasar, kesukaran guru berkaitan dengan pentaksiran adalah merumuskan indikator instrumen pentaksiran, menentukan teknik pentaksiran yang sesuai dengan kompetensi dasar (kecekapan dasar) yang diajar, dan membina instrumen dan rubrik



pentaksiran. Keseluruhannya, kesukaran guru berkaitan dengan pentaksiran adalah pembinaan instrumen pentaksiran yang sesuai standard (Rasidi dan Setiawati, 2015). Guru juga tidak sepenuhnya faham cara memproses dan mendeskripsikan hasil pentaksiran sikap, pengetahuan, dan kemahiran. Berasaskan kepada realiti tersebut, pihak Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan pula menyatakan bahawa panduan pentaksiran peringkat Sekolah Dasar adalah penting untuk dibina (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014).

Pembangunan instrumen pentaksiran membaca peringkat Sekolah Dasar telah pula dilakukan oleh beberapa pengkaji. Basuki (2011) dan Gumono (2014) membangunkan instrumen pentaksiran membaca pemahaman pelajar kelas IV Sekolah Dasar kategori ujian tempatan (bandingannya: ujian internasional PIRLS).

Instrumen sudah melalui proses penilaian pakar, penilaian kumpulan kecil, penilaian kumpulan besar dan sudah menjalani proses penilaian dalam kelas sebenar. Instrumen mengandungi teks bacaan dan soalan berbentuk aneka pilihan dan jawapan pendek, dilengkapi dengan rubrik pentaksiran, arahan menjawab soalan, dan perkara-perkara teknikal sebagai arahan menggunakan instrumen.

Kedua-dua pengkaji menyatakan bahawa pembinaan instrumen tempatan tersebut dilakukan berasaskan kepada kajian teori pembelajaran membaca pemahaman yang bersifat internasional, bukan berasaskan pembelajaran membaca yang sudah dilakukan guru. Item ujian dibina tidak mengikut kompetensi dasar yang ditetapkan dalam kurikulum. Oleh itu, instrumen yang dibina tidak dimaksudkan untuk mengukur pencapaian kompetensi dasar pembelajaran. Ia bukanlah instrumen pentaksiran membaca yang sedia digunakan guru bagi menjalankan pentaksiran



membaca harian di sekolah. Walau bagaimanapun, ia boleh dijadikan panduan guru ketika membina rancangan pembelajaran berkaitan dengan membaca pemahaman, pemilihan teks bacaan, dan pembinaan ítem ujian membaca pemahaman. Kedua-dua pengkaji pula mengemukakan cadangan kajian yang sama, iaitu supaya Kementerian Pendidikan Nasional/Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia mengkaji penyebab keupayaan membaca pelajar Indonesia berada pada kategori rendah untuk dijadikan asas memperbaiki kualiti pembelajaran bahasa Indonesia di sekolah pada masa hadapan. Manakala kandungan kompetensi dasar pelajaran bahasa Indonesia pula perlu ditambahbaiki sehingga selari dengan kandungan ujian PIRLS (Basuki, 2011; Gumono, 2014).

Kajian oleh Prasasti, Suyono, dan Basuki (2012) pula adalah kajian pembangunan, yang bertujuan menghasilkan instrumen pentaksiran berfikir kritikal melalui aktiviti membaca. Secara khusus pula tujuan kajian adalah untuk mengetahui kesahan, kebolehpercayaan, kemudahan penggunaan, dan kebolehbacaan produk instrumen yang dihasilkan. Instrumen dibangunkan menggunakan teks lengkap dan teks tidak lengkap (penggalan teks). Teks lengkap merangkumi: teks naratif, deskriptif, ekspositoris, dan argumentatif. Manakala teks tidak lengkap pula merangkumi penggalan teks temu bual dan penggalan teks jadual. Bentuk ujian yang digunakan adalah ujian aneka pilihan, esei terbuka, dan esei tertutup yang dilengkapi pula dengan rubrik pentaksiran.

Penilaian instrumen melibatkan pakar pentaksiran, pakar membaca, dan pelajar. Daripada hasil penilaian pula dilakukan semak semula instrumen, dilakukan penambahbaikan, dan dikemaskini. Hasil akhir yang diperolehi adalah instrumen





pentaksiran berfikir kritikal melalui membaca yang sudah memenuhi syarat kesahan konstruk, kebolehpercayaan, kebolehgunaan, dan memiliki kebolehbacaan yang baik. Instrumen yang dibangunkan adalah instrumen kognitif untuk mengukur pengetahuan yang bersifat umum. Oleh itu, instrumen tidak terkait langsung dengan kurikulum. Walau bagaimanapun, pada cadangan kajian dikemukakan bahawa instrumen berkenaan boleh digunakan guru sebagai antara instrumen untuk memperolehi maklumat keupayaan berfikir kritikal pelajar melalui membaca (lihat Prasasti, Suyono, dan Basuki, 2012).

Pratiwiningtyas, Susilaningsih, dan Sudana (2017) membangunkan instrumen pentaksiran literasi membaca pemahaman tahap pelajar kelas tinggi Sekolah Dasar. Instrumen yang dibangunkan mengacu kepada ujian model PIRLS, iaitu merangkumi JSU, teks bacaan sastera dan teks bacaan informasi, ítem ujian (berbentuk ítem aneka pilihan dan jawapan pendek), panduan pemarkahan, dan arahan menggunakan instrumen. Mengikut instrumen yang dibangunkan oleh pengkaji tersebut, ítem ujian yang dibina keseluruhannya adalah lima belas ítem. Daripada kelima belas-lima belas ítem pula tidak didapati penjelasan terperinci bandingan antara ítem ujian aneka pilihan dan ítem ujian jawapan pendek. Instrumen telah pula melalui proses penilaian pakar dan pihak pengguna bagi memperolehi tahap kesahan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan.

Pada bahagian akhir hasil kajian dikemukakan bahawa instrumen pentaksiran literasi membaca pemahaman yang dibangunkan telah pun memenuhi syarat kesahan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan. Berasaskan kepada hasil penilaian terhadap kesahan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan, instrumen pentaksiran membaca



pemahaman yang merujuk kepada ujian model PIRLS tersebut pula adalah antara instrumen pentaksiran membaca pemahaman yang boleh dijadikan panduan oleh guru. Walau bagaimanapun, ada dua perkara penting yang tidak didapati penjelasan, iaitu keterkaitan instrumen yang dibina dengan kurikulum dan keterkaitan ítem ujian dengan tema pembelajaran dan kompetensi dasar. Kedua-dua perkara tersebut pula berasaskan kepada tujuan pembangunan instrumen pentaksiran berkenaan, iaitu untuk digunakan guru bagi menjalankan pentaksiran membaca pemahaman pelajar kelas tinggi Sekolah Dasar. Manakala pembelajaran dan pentaksiran pula adalah bahagian daripada pelaksanaan kurikulum (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2016c, 2016d).

Proses pembangunan sesuatu instrumen pentaksiran secara umum dan instrumen pentaksiran membaca secara khusus adalah dijalankan mengikut prosedur atau tahap sehingga diperolehi suatu produk instrumen yang standard dan sedia digunakan untuk kepentingan pentaksiran. Mengikut Dick & Carey (2009) tahap pembangunan sesuatu instrumen bermula daripada tahap analisis keperluan, reka bentuk dan pembinaan, dan pelaksanaan dan penilaian. Aktiviti pembangunan sesuatu instrumen yang standard adalah memerlukan masa dan ini adalah perkara yang tidak mudah bagi guru sebab aktiviti harian guru di sekolah pula cukup banyak dan pelbagai. Oleh itu, pada tahap Sekolah Dasar, dalam buku teks panduan guru sudah disediakan panduan pembelajaran dan pentaksiran yang wujud dalam bentuk rubrik pentaksiran (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, 2014a).

Pratiwiningtyas, Susilaningsih, dan Sudana (2017) menyatakan bahawa panduan pentaksiran dalam buku teks panduan guru kurang terperinci dan guru sukar

menetapkan markah pelajar mengikut panduan berkenaan. Oleh itu, rubrik pentaksiran membaca yang lebih rinci mengikut rubrik umum tersebut adalah sangat diperlukan. Proses membina instrumen pentaksiran oleh guru tahap Sekolah Dasar bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan (Rasidi dan Setiawati, 2015; Nurkhan, 2016; dan Setiadi, 2016). Oleh itu, kajian ini bermaksud membangunkan instrumen pentaksiran membaca yang sesuai dengan keperluan guru menjalankan pentaksiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia Sekolah Dasar. Instrumen dibangunkan berasaskan kurikulum, sukatan pelajaran, hasil analisis kandungan buku teks pelajaran, dan hasil analisis keperluan oleh pihak pengguna.

#### 1.4 Tujuan Kajian dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini secara amnya adalah untuk membangunkan instrumen pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar. Manakala objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Menganalisis keperluan guru Sekolah Dasar berkaitan dengan instrumen pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar.
- 2) Membangunkan instrumen untuk proses pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar.
- 3) Melakukan proses kesahan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan instrumen pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar yang telah dibangunkan.



## 1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka terdapat tiga soalan kajian dalam penyelidikan ini, iaitu:

- 1) Apakah keperluan guru Sekolah Dasar berkaitan dengan instrumen pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar?
- 2) Bagaimanakah instrumen pentaksiran yang sesuai dengan keperluan guru untuk proses pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar dibina?
- 3) Adakah instrumen pentaksiran kemahiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar yang telah dibangunkan memiliki kesahan, kebolehpercayaan, dan kebolehgunaan?



## 1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini mempunyai kepentingan bagi guru, pelajar, Dinas Pendidikan dan Kebudayaan (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia), Departemen Pendidikan Bahasa Indonesia dan Departemen Pendidikan Guru Sekolah Dasar, penyelidik kos pendidikan, penulis buku teks, penulis modul, dan pembinaan soalan peperiksaan. Bagi guru, produk instrumen hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan menjalankan pentaksiran kemahiran membaca di kelas tinggi Sekolah Dasar. Selain itu, pentaksiran membaca yang dijalankan guru berasaskan instrumen pentaksiran yang sama sehingga aras kemahiran membaca pelajar sekolah yang satu dan pelajar sekolah yang lain boleh dibuat bandingan. Oleh yang demikian, guru



memiliki sebarang maklumat sama ada kelebihan ataupun kelemahan amalan pembelajaran membaca yang dijalankan di kelas.

Bagi pelajar pula, jika pentaksiran kemahiran membaca yang dilakukan oleh guru berasaskan instrumen yang sudah memiliki tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, hasil pentaksiran yang dijalankan pun memiliki standard yang pasti. Aras kemahiran seseorang pelajar membaca boleh diukur dengan jelas dan tepat.

Bagi Dinas Pendidikan dan Kebudayaan (Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia), hasil kajian ini boleh menjadi arkip atau dokumen yang disahkan sehingga boleh digunakan sebagai rujukan pentaksiran membaca oleh guru tahap Sekolah Dasar.

Bagi Departemen Pendidikan Bahasa Indonesia dan Departemen Pendidikan Guru Sekolah Dasar Universiti Pendidikan atau Fakulti Keguruan dan Ilmu Pendidikan, hasil kajian ini boleh menjadi rujukan subjek Penilaian Hasil Belajar atau Evaluasi Pembelajaran. Pengajar (pensyarah) subjek berkenaan boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan tugas mahasiswa membina instrumen pentaksiran membaca. Manakala bagi penyelidik kos pendidikan pula, hasil kajian ini boleh memberikan inspirasi untuk merancang kajian berkaitan dengan pentaksiran bahasa.

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan bahan rujukan bagi penulis buku teks dan modul pentaksiran membaca. Demikian juga bagi pembina soalan peperiksaan sama ada pada peringkat tempatan atau peringkat nasional boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan atau panduan membina soalan membaca.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terhad kepada beberapa perkara, iaitu sekolah, guru, pelajar dan mata pelajaran. Sekolah yang dijadikan sebagai sampel dalam penyelidikan ini adalah terhad hanya tahap Sekolah Dasar. Guru dan pelajar yang dilibatkan adalah terhad kepada guru dan pelajar kelas V sahaja. Kajian ini juga terhad kepada satu mata pelajaran sahaja, iaitu mata pelajaran Bahasa Indonesia.

## 1.8 Definisi Operasional

Bagi kejelasan pemahaman terhadap perkara-perkara dalam kajian ini, berikut ini dikemukakan definisi operasional.

### 1.8.1 Pentaksiran (*Assessment*)

Pentaksiran (*assessment*) bermaksud rangkaian aktiviti untuk memperoleh, menganalisis, dan mentafsirkan data berkenaan dengan proses dan hasil pembelajaran pelajar secara sistematik dan berterusan sehingga menjadi maklumat yang bermakna dalam membuat keputusan. Ia adalah usaha formal, mengikut proses yang sistematik dan berterusan untuk menentukan status pelajar berkaitan dengan sebilangan pemboleh ubah minat dalam pendidikan yang merangkumi pengetahuan pelajar terhadap bahan pengajaran, sejauh mana mereka mahir dalam menguasai operasi aktiviti pembelajaran pada subjek tertentu, dan sejauh mana tahap positif pelajar terhadap pembelajaran. Maklumat kejayaan belajar pelajar yang dikumpulkan digunakan sebagai asas untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Ciri utama



pentaksiran dalam konteks ini adalah ia dijalankan oleh guru secara formal pada tahap kelas tinggi Sekolah Dasar.

### **1.8.2 Pentaksiran membaca**

Pentaksiran membaca bermaksud aktiviti pentaksiran yang dilakukan guru dalam proses pembelajaran bahasa Indonesia aspek membaca tahap Sekolah Dasar untuk memperolehi maklumat keupayaan membaca pelajar mengikut kategori membaca. Membantu pelajar mencapai matlamat membaca adalah antara tujuan pentaksiran berkenaan dijalankan. Pelaksanaannya pula melibatkan pelbagai bahan dan prosedur yang dibina dalam bentuk instrumen pentaksiran. Daripada aktiviti pentaksiran yang dijalankan dan hasil yang diperolehi, ia membolehkan guru dan pelajar melihat tahap pencapaian keupayaan membaca dan mengesan ruang untuk penambahbaikan dan menentukan langkah seterusnya yang diperlukan bagi meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran membaca.

### **1.8.3 Instrumen pentaksiran**

Instrumen pentaksiran bermaksud alat pengukuran yang digunapakai untuk memperolehi maklumat keupayaan dan pencapaian pelajar berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tertentu atau aspek tertentu daripada sesuatu mata pelajaran. Daripada instrumen pentaksiran boleh diperolehi bukti tahap pencapaian hasil pembelajaran. Dalam konteks pembelajaran pula, ia dibangunkan berasaskan kepada kurikulum sehingga maklumat atau data daripada hasil pentaksiran





memperlihatkan tahap pencapaian kurikulum mengikut mata pelajaran, peringkat kelas, dan peringkat sekolah.

#### **1.8.4 Instrumen pentaksiran membaca**

Instrumen pentaksiran membaca bermaksud alat pentaksiran yang dibangunkan untuk dapat digunakan oleh guru pada tahap Sekolah Dasar bagi memperoleh maklumat keupayaan membaca pelajar kelas tinggi yang merangkumi keupayaan membaca lancar, membaca pemahaman, membaca penghayatan, dan membaca kreativiti. Pembangunan instrumen dilakukan secara bertahap bermula daripada tahap analisis keperluan, tahap reka bentuk dan pembinaan instrumen, dan tahap pelaksanaan dan penilaian. Asas kesesuaian instrumen dengan keperluan pihak pengguna, rujukan utamanya adalah kurikulum pembelajaran bahasa Indonesia Sekolah Dasar, kandungan buku teks panduan guru dan buku teks pelajar.

#### **1.8.5 Sekolah Dasar**

Sekolah Dasar bermaksud jenjang atau tahap pendidikan dasar formal di Indonesia yang diurus oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Ia adalah tahap pendidikan selepas Tadika dan masa studi adalah 6 tahun bermula daripada kelas I sehingga kelas VI. Mengikut Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003, pendidikan dasar berbentuk Sekolah Dasar/Madrasah Ibtidaiyah dan Sekolah Menengah Pertama/Madrasah Tsanawiyah. Madrasah Ibtidaiyah dan Madrasah Tsanawiyah pula berada di bawah pengurusan Kementerian Agama. Masa belajar Madrasah Ibtidaiyah adalah 6 tahun dan Sekolah Menengah Pertama/Madrasah



Tsanawiyah adalah 3 tahun. Masa belajar tahap pendidikan dasar di Indonesia keseluruhannya adalah 9 tahun.

### **1.8.6 Pelajar Sekolah Dasar**

Pelajar Sekolah Dasar bermaksud pelajar berumur 6 sehingga 12 atau 13 tahun yang belajar secara formal pada tahap pendidikan dasar di Indonesia, iaitu Sekolah Dasar yang berada di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Pelajar umur 6 atau 7 hingga 9 atau 10 tahun adalah kategori pelajar kelas rendah, iaitu pelajar kelas I-II, dan III. Manakala pelajar umur 9 atau 10 tahun hingga umur 12-13 tahun adalah kategori pelajar kelas tinggi, iaitu pelajar kelas IV, V, dan VI.

### **1.8.7 Pembelajaran Bahasa Indonesia**

Pembelajaran bahasa Indonesia bermaksud satu siri aktiviti yang dirancang oleh guru untuk memungkinkan berlakunya proses pembelajaran bahasa Indonesia yang melibatkan interaksi guru-pelajar dan sumber belajar. Dalam konteks pembelajaran formal di Indonesia, bahasa Indonesia adalah antara mata pelajaran wajib bermula daripada peringkat pendidikan dasar sehingga peringkat pendidikan menengah. Membina pelajar supaya cakap dalam berbahasa Indonesia untuk pelbagai keperluan komunikasi adalah antara tujuan pembelajaran bahasa Indonesia di sekolah.



## 1.9 Rumusan Bab

Kajian ini berkaitan dengan pembangunan instrumen pentaksiran membaca dalam pembelajaran bahasa Indonesia kelas tinggi Sekolah Dasar. Ada empat macam instrumen yang dibangunkan, iaitu instrumen pentaksiran kelancaran membaca, instrumen pentaksiran membaca pemahaman, instrumen pentaksiran membaca penghayatan, dan instrumen pentaksiran membaca kreativiti. Pembangunan keempat-empat macam instrumen pentaksiran membaca berkenaan pula adalah berasaskan kepada keperluan guru atau pihak pengguna mengikut dapatan kajian awal fasa analisis keperluan, hasil analisis kurikulum, sukatan pelajaran, buku teks panduan guru, dan buku teks pelajaran pelajar. Beberapa dapatan hasil kajian terdahulu berkenaan dengan pentaksiran, pentaksiran membaca, dan penerapan Kurikulum 2013 turut pula dibincangkan. Soalan kajian telah pula dikemukakan berdasarkan objektif kajian. Akhir sekali, kepentingan kajian dan definisi operasional bagi memperjelas istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini juga dikemukakan.

